

Negara membangun mesti dibenar buat keputusan

UM 15 MAR 2002

Daripada HAMZAH SIDEK

MOSCOW 14 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, negara-negara membangun mestilah dibenarkan mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan di semua institusi antarabangsa bagi memastikan globalisasi memberi faedah kepada semua negara dunia.

Jika tidak, kata Perdana Menteri, demonstrasi di jalan raya seperti yang berlaku semasa Mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Genoa, Itali baru-baru ini akan menjadi jawapannya.

Sebelum itu, demonstrasi jalanan terhadap kepincangan ekonomi dunia juga berlaku di mesyuarat-mesyuarat globalisasi di Gothenburg, Prague, Seattle dan lain-lain tempat.

Bagaimanapun Dr. Mahathir mengingatkan: "Demonstrasi jalanan hanya mengejutkan kita daripada tidur, tetapi sebaliknya kita hendaklah berke-

upaya untuk menduga bantahan dan bertindak secara proaktif untuk mengelakkan keganasan di jalan raya."

"Membaling bata ke cermin restoran McDonald's mungkin menghilangkan kejemuan bagi sesetengah orang di Barat, tetapi ia tidak akan memberikan sebarang sumbangan kepada usaha untuk membebaskan satu bilion manusia daripada belenggu kemiskinan," tambahnya.

Kemiskinan

Beliau berkata demikian dalam ucapan berjudul: *Globalisasi Ke Arah Dunia Yang Adil dan Makmur* pada Forum Bisnes dan Teknologi Malaysia-Rusia di Hotel Radisson Slavjanskaya di sini, hari ini.

Beliau menegaskan, membasmi kemiskinan adalah cabaran moral yang paling besar sekarang kerana seorang daripada setiap lima penduduk dunia (atau lebih 1 bilion) masih dicengkam kemiskinan dan sasaran Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu ialah untuk mengurangkan hingga separuh daripada angka tersebut.

Dr. Mahathir juga menyeru negara-negara maju supaya membantu negara-negara membangun memperoleh pengetahuan, ide dan ciptaan baru dengan harga yang munasabah.

"Harta intelektual mestilah dilindungi, tetapi keperluan mereka yang miskin mestilah juga dipertimbangkan. Tidak salah mencari keuntungan daripada harta intelektual, tetapi ambillah lebih banyak daripada yang kaya dan kurangkan daripada yang miskin," katanya.

Globalisasi

Beliau juga mengingatkan para pejuang globalisasi supaya memberikan keutamaan kepada hasil yang diperoleh, bukan hanya mementingkan kepada cara pelaksanaan proses globalisasi itu sendiri.

"Globalisasi sudah menunjukkan tanda-tanda akan menjadi agama yang tidak mengi-

zinkan perbezaan pendapat. Sungguh malang kerana globalisasi, jika ditafsir dan dikawal dengan betul, boleh menghasilkan kekayaan dan faedah yang besar kepada dunia.

"Apa yang penting ialah memberikan tumpuan kepada hasil, bukannya ketetapan peraturan. Laksanakanlah jika hasilnya bagus, tetapi jika hasilnya buruk, maka globalisasi mestilah ditafsir semula dan diperbaiki sehingga melahirkan hasil sebagaimana yang dikehendaki," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, kita akan terperangkap jika terlalu mempercayai bahawa sesuatu sistem itu boleh menyelesaikan masalah manusia sehingga kita melupai sebab-sebab yang mendorong sistem itu dibentuk.

"Malangnya, apabila sesuatu sistem itu diterima, ia menjadi begitu mulia dan dipertahan sekalipun hasilnya adalah lebih teruk daripada keadaan yang hendak diatasi," katanya. — Utusan